


UMS dekati pelajar sekolah rendah Pulau Banggi

UB 7.4.2014 B2

Oleh ROZIE JUMAT

SERAMAI 170 pelajar sekolah rendah sekitar Kampung Maliyu, Pulau Banggi di Kudat akan mendapat manfaat dari program Universiti Malaysia Sabah (UMS) selama empat hari bermula 10 April ini.

Ketua Program Unit



KHALID

Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar, Sekolah Pendidikan dan

Pembangunan Sosial (SPPS) UMS Dr Khalid Johari berkata, objektif utama Program Retreat Maliyu Pulau Banggi itu adalah untuk mengembangkan minat dan keseronokan dalam pembelajaran, khususnya dalam bidang Sains, Matematik dan Bahasa Ingeris.

“Ia meningkatkan persaingan sesama murid dalam pembelajaran serta mempelajari teknik-teknik mudah dalam pembelajaran Sains, Matematik dan Bahasa Ingeris di kalangan pelajar golongan sasaran,” katanya.

Katanya, Mahasiswa Unit Penyelidikan Luar Bandar UMS akan turut menjalankan aktiviti kemasyarakatan berbentuk pendidikan yang dijangka mampu memberi pendedahan mengenai peri pentingnya pendidikan lestari, khususnya di kawasan pulau itu. Program itu



PARA peserta dari Unit Penyelidikan Luar Bandar UMS bersiap ke Pulau Banggi.

dianjurkan bersama SPPS (Program Sarjana Kurikulum) UMS dengan

kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Kudat, Jabatan Pelajaran Negeri Sabah dan

Biro Tata Negara. Seramai 52 mahasiswa dan mahasiswi Unit

Penyelidikan Pendidikan Luar Bandar terlibat dalam program berkenaan.